



KENYATAAN AKHBAR OLEH DATO' PENGELOLA BIJAYA DIRAJA PEJABAT KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU

PUTRAJAYA, 15 Ogos 2026 – Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman, Alhamdulillah adalah dimaklumkan dengan kehendak dan rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua serta dengan berkat doa seluruh rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah selamat menjalani rawatan dan sedang beristirehat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menzahirkan ucapan penghargaan dan perasaan terharu serta menzahirkan ucapan terima kasih Baginda serta keluarga kepada semua masjid-masjid, surau-surau, institusi tahfiz, para alim ulama, pemimpin masyarakat, badan-badan organisasi, individu serta seluruh lapisan rakyat yang telah mendoakan dan melaksanakan solat hajat serta bacaan Yasin untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Hanya Allah Subhanahu Wa Ta'ala sahaja yang membalasnya.

Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala terus mengurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan serta dipermudahkan segala urusan Baginda. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian.

Yang menjunjung titah,

DATO' PENGELOLA BIJAYA DIRAJA

**Bilik Berita
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat
Jabatan Penerangan Malaysia**